

D. JENIS-JENIS HARTA YANG DIKENAKAN ZAKAT PENDAPATAN

Terdapat 2 kategori pemilikan harta yang dikenakan zakat pendapatan:

I. SUMBER UTAMA PENDAPATAN :

I. Harta Penggajian dan Upah Kerja

Ia bermaksud "Harta yang diperolehi oleh seseorang hasil daripada pekerjaan yang dilakukannya untuk pihak lain sama ada kerajaan, swasta atau individu dengan melakukan sebarang usaha dalam bentuk fizikal, sumbangan idea atau kedua-duanya dalam tempoh yang dipersetujui bersama, sama ada secara tahunan, bulanan, mingguan, harian atau jam." Sebagai contoh :

- a) Gaji
- b) Upah
- c) Bonus
- d) Tuntutan kerja lebih masa
- e) Gratuiti
- f) Pampasan
- g) Pencen
- h) Hadiah, anugerah & insentif
- i) ESOS (Skim Pilihan Saham Pekerja)
- j) Apa-apa yang bersumberkan perkhidmatan atau penggajian

Bagi pendapatan yang diperolehi secara sekaligus disebabkan oleh pekerjaan yang dilakukan seperti gratuiti, pampasan hadiah, anugerah

& insentif perlu dizakatkan sebaik sahaja menerima harta tersebut kerana ianya dianggap pendapatan yang diperolehi dan telah melebihi nisab pada tahun tersebut. (*Rujuk Fatwa Zakat Pendapatan Negeri Kedah, pada tahun 1986*)

Walau bagaimanapun, pendapatan dari sumber-sumber tuntutan selepas perbelanjaan pendahuluan tidak perlu dikeluarkan zakat kerana ianya tidak termasuk di dalam kategori pendapatan.

Sebaliknya ia diperolehi sebagai ganti pendahuluan kos pendahuluan yang terpaksa ditanggung oleh individu dalam menjalankan tugas atau kerja yang dilakukan. Pendahuluan tersebut dibayar menggunakan gaji pekerja yang telah dibayar zakat. Sekiranya diwajibkan zakat, maka akan berlaku zakat sebanyak 2 kali. Sebagai contoh tuntutan elaun perjalanan, lojing dan lain-lain tuntutan yang berkaitan dengan pekerjaan di mana seseorang itu mengeluarkan kos sendiri terlebih dahulu.

II. Harta Dari Hasil Kerja Bebas

laitu harta yang diperolehi oleh seseorang hasil daripada pekerjaan yang dilakukannya sendiri tanpa ada kaitan dengan pihak lain dalam bentuk kerja bebas atau perkhidmatan profesional. Sebagai contoh :

- a. Bayaran perkhidmatan konsultansi profesional seperti khidmat guaman, arkitek, doktor dan sebagainya.
- b. Bayaran projek yang diterima oleh kontraktor.

- c. Keuntungan projek bermusim.
- d. Komisyen dan *residual income* – pendapatan dari jualan insuran, takaful, unit *trust*, broker dan seumpamanya.
- e. Bayaran royalti, honorarium atau komisen yang diterima daripada hasil penulisan, penerbitan, aktiviti seni dan sebagainya.
- f. Hasil tunai sekali sekala seperti hasil pembiayaan semula aset atau hasil jualan aset tetap atau pinjaman bank yang tiada tujuan dan lain-lain.

2. LAIN-LAIN SUMBER PENDAPATAN /PEROLEHAN

I. Harta Dari Hasil Sewaan (*Mustaghallat*)

laitu segala harta yang diperolehi daripada harta yang tidak diwajibkan zakat tetapi mendatangkan pulangan atau pendapatan dengan cara sewaan atau jualan hasilnya seperti :

- a. Hasil sewaan rumah, bangunan, kilang, premis perniagaan dan sebagainya.
- b. Hasil sewaan kenderaan atau pengangkutan.
- c. Hasil sewaan peralatan, aset atau sebagainya.
- d. Hasil yang dikeluarkan oleh binatang ternakan seperti susu dan telur yang dijual.

II. Harta Dari Pemberian atau Sumbangan (*Al-U'tiyyah*)

Ia bermaksud “Harta yang diperolehi oleh seseorang bukannya hasil daripada pekerjaan yang dilakukannya. Ia merupakan pemberian yang

diterima samada daripada individu atau institusi dalam tahun semasa” dalam berbentuk harta zakawi seperti wang dan bukannya dalam bentuk harta tetap (*al ‘aqar*) seperti rumah dan tanah dan juga bukan merupakan nafkah wajib.

Antara bentuk yang dianggap sebagai pemberian atau sumbangan (*Al-U’tiyyah*) yang diperolehi dalam bentuk harta zakawi seperti wang, emas, saham dan sebagainya yang dikenakan zakat ketika diperolehi adalah :

- a. Hibah
- b. Hadiah
- c. Saguhati
- d. Pencen pasangan
- e. Sedekah
- f. Pampasan
- g. Harta Wasiat

Saidina Muawiyah merupakan orang pertama yang mengenakan zakat terhadap harta pemberian “Al ‘Utiyyah’. Amalan ini dijuga dilakukan oleh Saidina Umar Abdul Aziz.